

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 JUNE 2017

# 'Mahathir sudah-sudahlah'

u/m - 4/6/2017 pg. 19

**KUALA LUMPUR 3 Jun** - Tempoh 22 tahun Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri adalah lebih daripada mencukupi malah telah pun memecah rekod pemimpin paling lama memegang jawatan itu di negara ini.

Presiden Parti India Bersatu Malaysia (MUIP), Tan Sri S. Nallakaruppan berkata, atas dasar itu, adalah lebih baik beliau memberikan laluan kepada orang lain tanpa menyimpan cita-cita untuk kembali berkuasa setelah pelbagai kritikan dilemparkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau menjelaskan, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu tidak boleh membandingkan sokongan rakyat yang dikatakan masih mahu kepemimpinannya dengan mengukur jumlah kehadiran orang ramai setiap kali beliau berceramah

yang hanya tahu mengutuk Najib dan Barisan Nasional (BN) tanpa memberikan idea untuk kepentingan negara dan rakyat.

"Dr. Mahathir tidak usah bermimpi untuk kembali menjadi Perdana Menteri. Beliau hanya tahu menghentam Najib sedangkan Najib adalah 100 kali lebih baik daripada beliau, tindak-tanduk beliau sekarang ini lebih mahu merosakkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbanding mencari jalan untuk menyatukan orang Melayu.

"Rakyat sudah tahu menilai pemimpin yang macam mana mereka mahu. Banyak percakapan dia sudah tidak relevan malah prinsip sendiri sudah tergadai apabila sanggup berbaik semula dengan musuh politiknya demi menjatuhkan Najib," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.



**NALLAKARUPPAN**